

Belajar seni urus niaga - Mahathir

Oleh **ABU HAKIM TANZIMUDDIN**

KUALA LUMPUR 15 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tan Dr. Mahathir Mohamad menggesa para peserta pasaran modal tempatan supaya tidak bertindak seperti jaguh kampung yang kehilangan arah apabila berhadapan dengan realiti persaingan global.

Beliau berkata, peserta pasaran modal perlu belajar dengan cepat seni' ber-iims niaga dan mempunyai kepantasan serta keupayaan untuk muncul dengan strategi baru agar boleh berjaya dalam persekitaran yang sukar.

Menurutnya, masa mudah sebelum ini sudah berlalu yang memerlukan peserta pasaran bersedia merebut peluang-peluang dan cabaran-cabaran ganjil yang akan mengiringi masa depan.

"Ketika ini, terlalu ramai peserta pasaran tempatan yang tergolong dalam apa yang dikatakan jaguh kampung sahaja iaitu hebat sekadar peringkat rendah sahaja," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas melancarkan buku *Capital Market Development in Malaysia: History and Perspectives* yang ditulis sempena ulang

tahun ke-10 Suruhanjaya Sekuriti (SC), di sini malam ini.

Beliau menambah, cabaran pasaran modal pada masa depan memerlukan perubahan minda di kalangan para pesertanya.

Katanya, ketika era 1990-an, pasaran saham Malaysia bersama Hong Kong dan Singapura menguasai senario pasaran ekuiti Asia.

Bagaimanapun katanya, ketika ini kemunculan ekonomi-ekonomi gergasi Asia sedang membentuk satu senario yang sama sekali berbeza.

"Senario ini telah membawa gelombang kecemerlangan merentasi rantau ini... kecemerlangan yang boleh dikongst dan dimanfaatkan oleh kita semua di Asia selama mana kita mengetahui caranya," kata beliau.

Selain itu Dr. Mahathir juga menggesa industri pasaran modal untuk meningkatkan tempo pembangunan pasaran modal Islam.

Menurut beliau, Malaysia sekarang dalam kedudukan yang amat baik untuk menjadi pusat tumpuan antara-bangsa bagi inovasi produk pasaran modal Islam.